

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. EWON BIN EBIN (RANAU)**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Ewan Bin Ebin [Ranau] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan daripada jumlah peruntukan sebanyak RM115 juta yang diumumkan dalam Bajet 2016 berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan bagi menampung kos penyukatan (untuk pemilikan) Tanah Adat di Negeri Sabah, serta senaraikan keluasan tanah yang disukat mengikut daerah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini telah bertindak sebagai pemilik kepada projek Pengukuran Tanah Hak Adat NCR Negeri Sabah hanya dari tahun 2011 sehingga 2014. Sepanjang tempoh tersebut, RM23,679,479.53 telah digunakan sebagai perbelanjaan daripada jumlah peruntukan keseluruhan yang telah diluluskan sebanyak RM25,703,600.

Namun yang demikian, urusan pengukuran tanah-tanah NCR di Sabah kini diambil alih oleh pihak Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Justeru, hal-hal berkaitan jumlah wang yang telah dibelanjakan bagi kerja-kerja penyukatan tanah adat di Sabah berdasarkan peruntukan Bajet 2016 adalah di bawah bidang kuasa ICU sebagai pemilik projek ini yang terkini.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 14 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. Datuk Dr. Ewon Bin Ebin  
[ Ranau ]**

**SOALAN :-**

**YB. Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [ Ranau ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian sedia untuk mempertimbangkan cadangan daripada pihak akar umbi agar terma pendudukan Program Perumahan Rakyat - PPR yang kini dijadikan sebagai rumah transit, ditukar kepada sewa beli bagi membolehkan mereka yang berpendapatan rendah terutama sekali yang tergolong dalam kumpulan B40 untuk memiliki rumah sendiri.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) adalah satu program yang disediakan oleh Kerajaan untuk membantu menyediakan kemudahan perumahan secara sementara kepada pasangan muda yang telah berkahwin. Antara syarat permohonan bagi Program RT1M adalah:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur 18 hingga 30 tahun;
- iii. Tidak memiliki rumah;
- iv. Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM5,000 sebulan; dan
- v. Tiada rekod jenayah.

Pada masa ini, Kementerian telah menyediakan beberapa program RT1M seperti berikut:

No.	Program	Unit	Status Pelaksanaan
1	RT1M PPR Bukit Jalil, Kuala Lumpur	632	Siap
2	RT1M PPR Kepong, Kuala Lumpur	410	Dalam Pelaksanaan
3	RT1M PPR Sg. Melana, Johor Bahru, Johor	390	Dalam Pelaksanaan

Melalui program RT1M, pemohon yang layak akan ditawarkan satu unit rumah untuk disewa bagi tempoh permulaan selama 3 tahun dengan opsyen lanjutan maksimum selama 2 tahun (1 + 1) tertakluk kepada prestasi penyewa dan pertimbangan rayuan melanjutkan tempoh sewaan.

Ini berbeza dengan Program Perumahan Rakyat (PPR) di mana PPR adalah satu program Kerajaan untuk penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) adalah agensi pelaksana utama bagi projek-projek PPR di seluruh Malaysia. Terdapat 2 kategori PPR iaitu PPR Disewa dan PPR Dimiliki.

Bagi Program PPR Disewa, kadar sewaan yang dikenakan hanya RM124.00 sebulan, manakala bagi PPR Dimiliki dijual dengan harga RM35,000 seunit di Semenanjung Malaysia dan RM42,000 seunit di Sabah dan Sarawak.

Mengambil kira kepentingan kumpulan sasar ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menjual unit-unit RT1M. Program RT1M adalah berbeza dengan PPR dan khusus untuk membantu pasangan muda mendapatkan kemudahan penyewaan perumahan pada kadar yang rendah iaitu RM250 sebulan berbanding kadar sewaan di pasaran dengan kemudahan dan spesifikasi yang sama.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017